

**AMALAN ELEMEN-ELEMEN SEKOLAH BERKESAN:
SATU KAJIAN DI DAERAH BATANG PADANG,
PERAK**

FARAH HUSNA BINTI KAMARUDDIN

**KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

**FAKULTI PENGURUSAN PERNIAGAAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2005

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.



30.4.2005

FARAH HUSNA BINTI KAMARUDDIN
M20031001259

PENGHARGAAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih, saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izin dan limpah rahmatNya telah memberi kekuatan pada saya untuk menyiapkan kertas projek ini.

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Omar Abdull Karem yang telah memberikan bimbingan yang amat berharga.

Tidak lupa kepada suami tercinta, Azman bin L. Kadir yang sentiasa mendorong, berkongsi ilmu dan memahami serta si kecil Zikry Amzar dan Ammar Sakhawi yang turut berkorban walau tanpa disedari.

Juga keluarga tercinta dan rakan-rakan yang turut memberikan sokongan....



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Sekolah berkesan menjadi matlamat semua organisasi sekolah. Namun begitu, bukan semua sekolah berjaya mencapai matlamat tersebut. Oleh hal yang demikian, kajian perlu dilakukan untuk melihat sejauh mana sekolah mencapai tahap keberkesanan yang diharapkan. Kajian ini merupakan satu bentuk tinjauan mengenai pengamalan elemen-elemen sekolah berkesan berdasarkan Model Proses dan Model Organisasi Pembelajaran yang disarankan oleh Yin Cheong Cheng (1996). Elemen-elemen yang terlibat ialah Perkongsian Visi dan Matlamat, Kepimpinan Organisasi, Kepimpinan Pengajaran, Komunikasi, Pembangunan Staf, Jangkaan Tinggi, Persekutaran Pembelajaran serta Pemantauan dan Penilaian. Sampel kajian terdiri daripada 17 buah sekolah di daerah Batang Padang. Responden kajian ini terdiri daripada 147 guru-guru yang dipilih secara rawak daripada 17 sekolah terbabit. Hasil kajian mendapati, secara umumnya tahap pengamalan elemen-elemen tersebut berada pada tahap tinggi. Hasil kajian juga mendapati terdapat perbezaan pengamalan elemen antara sekolah menengah bandar dan sekolah menengah luar bandar kecuali bagi elemen Perkongsian Visi dan Matlamat serta elemen Pemantauan dan Penilaian. Perbandingan antara jantina pengetua juga menunjukkan terdapat perbezaan dari aspek pengamalan elemen kecuali elemen Perkongsian Visi dan Matlamat. Ujian korelasi pula mendapati setiap elemen adalah saling berhubungan dalam skala sederhana hingga tinggi menurut skala kolerasi Guilford (1956).



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

ABSTRACT

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Effective school is the aim for every school organization. However, not all school are able to achieve the aim. Therefore, research has to be carried out to see how far schools have achieved the effectiveness of being effective schools. This research surveyed the effective school element based on the Process Model and Organization Learning Model forwarded by Yin Cheong Cheng (1996). The elements involved were Shared Vision and Goals, Organization Leadership, Teaching Leadership, Communication, Staff Development, High Expectations, Learning Environment, Monitoring and Evaluation. Populations for this research were 147 teachers who were chosen randomly from 17 schools in Batang Padang district. Generally the response on all the elements were high. Elements practiced between urban and rural school were different except for Shared Vision and Goals and Monitoring and Evaluation elements. Principals gender comparison showed no difference in the Shared Vision and Goals element. Using Guilford Correlation Scale (1956), each element was inter-correlated from moderate to very dependable.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Muka surat

| | |
|-------------------|------|
| PENGAKUAN | ii |
| PENGHARGAAN | iii |
| ABSTRAK | iv |
| ABSTRACT | v |
| SENARAI KANDUNGAN | vi |
| SENARAI JADUAL | xi |
| SENARAI RAJAH | xiii |

BAB 1 PENGENALAN

| | |
|---|---|
| 1.1 Latar Belakang Masalah | 1 |
| 1.2 Pernyataan Masalah | 3 |
| 1.3 Objektif Kajian | 5 |
| 1.4 Persoalan Kajian | 5 |
| 1.5 Hipotesis Kajian | 6 |
| 1.6 Kepentingan dan Faedah Penyelidikan | 6 |
| 1.7 Batasan Kajian | 6 |
| 1.8 Definisi Operasional | |
| 1.8.1 Sekolah Berkesan | 7 |
| 1.8.2 Perkongsian Visi dan Matlamat | 7 |
| 1.8.3 Kepimpinan Organisasi | 8 |
| 1.8.4 Kepimpinan Pengajaran | 8 |

| | | | | | |
|--|---|--|--|---|----|
|  05-4506832 |  pustaka.upsi.edu.my |  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah |  PustakaTBainun |  ptbupsi | 8 |
| 1.8.5 Komunikasi | | | | | 9 |
| 1.8.6 Pembangunan Staf | | | | | 9 |
| 1.8.7 Jangkaan Tinggi | | | | | 9 |
| 1.8.8 Persekutaran Pembelajaran | | | | | 9 |
| 1.8.9 Pemantauan dan Penilaian | | | | | 10 |
| 1.8.10 Sekolah Menengah di Bandar | | | | | 10 |
| 1.8.11 Sekolah Menengah di Luar Bandar | | | | | 10 |

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

| | | | | | |
|--|---|--|--|---|----|
|  05-4506832 |  pustaka.upsi.edu.my |  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah |  PustakaTBainun |  ptbupsi | 11 |
| 2.1 Pengenalan | | | | | 13 |
| 2.2 Konsep Sekolah Berkesan | | | | | 14 |
| 2.3 Elemen-elemen Pembentukan Sekolah Berkesan | | | | | 21 |
| 2.3.1 Perkongsian Visi dan Matlamat | | | | | 22 |
| 2.3.2 Kepimpinan Organisasi | | | | | 25 |
| 2.3.3 Kepimpinan Pengajaran | | | | | 28 |
| 2.3.4 Komunikasi | | | | | 30 |
| 2.3.5 Pembangunan Staf | | | | | 31 |
| 2.3.6 Jangkaan Tinggi | | | | | 33 |
| 2.3.7 Persekutaran Pembelajaran | | | | | 35 |
| 2.3.8 Pemantauan dan Penilaian | | | | | 37 |
| 2.3.9 Kesimpulan | | | | | |

| | | |
|------|---------------------------------------|----|
| 3.1 | Pengenalan | 38 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 38 |
| 3.3 | Pembolehubah | 38 |
| 3.4 | Pengukuran Pembolehubah | 39 |
| 3.5 | Populasi dan Persampelan | 40 |
| 3.6 | Instrumentasi Penyelidikan | 40 |
| 3.7 | Pra-uji | 41 |
| 3.8 | Pentadbiran Borang Soal-selidik | 41 |
| 3.9 | Analisis Data | 42 |
| 3.10 | Pengukuran Tahap Keberkesanan Sekolah | 44 |

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

| | | |
|-------|-----------------------------------|----|
| 4.1 | Pengenalan | 46 |
| 4.2 | Ciri dan Latar Belakang Responden | 46 |
| 4.2.1 | Jumlah Responden | 46 |
| 4.2.2 | Umur Responden | 47 |
| 4.2.3 | Tempoh Perkhidmatan | 48 |
| 4.2.4 | Jenis Sekolah | 48 |
| 4.2.5 | Gred Perkhidmatan | 49 |
| 4.2.6 | Kelulusan Akademik Tertinggi | 49 |
| 4.2.7 | Jantina Pengetua | 51 |

| | | | | |
|------------|--|--|--|---|
| 4.3 | Pengamalan Elemen-elemen Sekolah Berkesan | 51 | | |
| 05-4506832 |  pustaka.upsi.edu.my |  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah |  PustakaTBainun |  ptbupsi |
| 4.3.1 | Pengamalan Elemen Perkongsian Visi dan Matlamat | 52 | | |
| 4.3.2 | Pengamalan Elemen Kepimpinan Organisasi | 53 | | |
| 4.3.3 | Pengamalan Elemen Kepimpinan Pengajaran | 55 | | |
| 4.3.4 | Pengamalan Elemen Komunikasi | 56 | | |
| 4.3.5 | Pengamalan Elemen Pembangunan Staf | 58 | | |
| 4.3.6 | Pengamalan Elemen Jangkaan Tinggi | 60 | | |
| 4.3.7 | Pengamalan Elemen Persekutaran Pembelajaran | 61 | | |
| 4.3.8 | Pengamalan Elemen Pemantauan dan Penilaian | 63 | | |
| 4.5 | Tahap Amalan Elemen-elemen Keberkesanan | 65 | | |
| 4.4 | Hasil Ujian-t antara Pengetua Lelaki dan Pengetua Perempuan | 67 | | |
| 4.6 | Hasil Ujian-t antara Sekolah Menengah Bandar dan | | | |
| | Sekolah Menengah Luar Bandar | 68 | | |
| 05-4506832 |  pustaka.upsi.edu.my |  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah |  PustakaTBainun |  ptbupsi |
| 4.7 | Hubungan antara Elemen-elemen Sekolah Berkesan | 70 | | |

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

| | | |
|-------|--|----|
| 5.1 | Pengenalan | 74 |
| 5.2 | Pengamalan Elemen-elemen Sekolah Berkesan | 74 |
| 5.2.1 | Pengamalan Elemen Perkongsian Visi dan Matlamat | 74 |
| 5.2.2 | Pengamalan Elemen Kepimpinan Organisasi | 75 |
| 5.2.3 | Pengamalan Elemen Kepimpinan Pengajaran | 76 |
| 5.2.4 | Pengamalan Elemen Komunikasi | 77 |

| | | | | |
|--|---|--|--|---|
|  05-4506832 |  pustaka.upsi.edu.my |  Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah |  PustakaTBainun |  ptbupsi |
| 5.2.5 | Pengamalan Elemen Pembangunan Staf | | | 78 |
| 5.2.6 | Pengamalan Elemen Jangkaan Tinggi | | | 88 |
| 5.2.7 | Pengamalan Elemen Persekutaran Pembelajaran | | | 79 |
| 5.2.8 | Pengamalan Elemen Pemantauan dan Penilaian | | | 80 |
| 5.3 | Pengamalan Keseluruhan Elemen Sekolah Berkesan | | | 81 |
| 5.4 | Perbezaan Pengamalan Elemen-elemen Sekolah Berkesan | | | 82 |
| 5.5 | Hubungan antara Elemen-elemen Sekolah Berkesan | | | 82 |
| 5.6 | Implikasi dan Cadangan | | | 83 |
| 5.7 | Cadangan Kajian Lanjutan | | | 87 |
| RUJUKAN | | | | 89 |

LAMPIRAN

Jadual**Muka Surat**

| | | |
|------|---|----|
| 2.1 | Model-model Sekolah Berkesan | 16 |
| 3.1 | Kebolehpercayaan Item-item Soal selidik | 42 |
| 3.2 | Tafsiran Nilai Koefisien | 43 |
| 3.3 | Pemeringkatan Tahap Elemen-elemen Sekolah Berkesan | 45 |
| 4.1 | Taburan Responden Mengikut Lokasi | 47 |
| 4.2 | Taburan Responden Mengikut Umur | 47 |
| 4.3 | Taburan Responden Mengikut Tempoh Perkhidmatan | 48 |
| 4.4 | Taburan Responden Mengikut Jenis Sekolah | 49 |
| 4.5 | Taburan Responden Mengikut Gred Perkhidmatan | 50 |
| 4.6 | Taburan Responden Mengikut Kelulusan Akademik Tertinggi | 50 |
| 4.7 | Taburan Responden Mengikut Jantina Pengetua | 51 |
| 4.8 | Pengamalan Elemen Perkongsian Visi dan Matlamat Mengikut Ringkasan Item. | 53 |
| 4.9 | Pengamalan Elemen Kepimpinan Organisasi Mengikut Ringkasan Item. | 54 |
| 4.10 | Pengamalan Elemen Kepimpinan Pengajaran Mengikut Ringkasan Item. | 56 |
| 4.11 | Pengamalan Elemen Komunikasi Mengikut Ringkasan Item. | 57 |
| 4.12 | Pengamalan Elemen Pembangunan Staf | |

| | | |
|------|---|----|
| 4.13 | Pengamalan Elemen Jangkaan Tinggi Mengikut Ringkasan Item. | 61 |
| 4.14 | Pengamalan Elemen Persekitaran Pembelajaran Mengikut Ringkasan Item. | 62 |
| 4.15 | Pengamalan Elemen Pemantauan dan Penilaian Mengikut Ringkasan Item. | 64 |
| 4.16 | Kedudukan Tahap Amalan Kesemua Elemen Sekolah Berkesan | 66 |
| 4.17 | Hasil Ujian-t antara Pengetua Lelaki dan Pengetua Perempuan | 67 |
| 4.18 | Hasil Ujian-t antara Sekolah Menengah Bandar dan Sekolah Menengah di Luar Bandar | 69 |
| 4.19 | Korelasi antara Elemen-elemen Tahap Keberkesanan Sekolah | 72 |
| 5.1 | Kesimpulan Perbezaan Amalan Elemen Hasil Ujian-t | 83 |

Rajah**Muka Surat**

| | | |
|-----|-----------------------|----|
| 2.1 | Matrik Proses Sekolah | 18 |
| 2.2 | Model Konseptual | 39 |

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Masalah.

Menjelang tahun-tahun 1980-an dan 1990-an masyarakat dan persekitaran pendidikan mengalami perubahan yang amat ketara. Perubahan ini menyaksikan matlamat pendidikan menjadi lebih rumit, tugas pendidik menjadi lebih rencam, jangkaan daripada umum menjadi lebih tinggi dan tanggungjawab sekolah terhadap masyarakat juga menjadi lebih berat berbanding sebelumnya (Yin Cheong Cheng, 1996).

Kesedaran masyarakat tentang pentingnya pendidikan kian bertambah dan ini dapat dilihat melalui keprihatinan ibu bapa terhadap pemilihan sekolah di mana anak mereka bakal ditempatkan. Keprihatinan ini semakin ketara apabila anak mereka memasuki alam persekolahan menengah (Sharifah Md. Nor, 2000).

Sebilangan ibu bapa tidak lagi menghantar anak mereka ke sekolah yang terdekat tetapi sudah mula bijak menilai sekolah-sekolah yang bakal dijadikan tempat untuk anak-anak mereka menempa kejayaan pada masa depan. Mereka mula menilai sesebuah sekolah sama ada cukup berkesan atau sebaliknya untuk anak mereka. Penilaian ini dibuat dalam pelbagai aspek dan perspektif yang berbeza (Sharifah Md. Nor, 2000).

Selain sekolah kerajaan, terdapat juga pelbagai jenis sekolah seperti sekolah pondok, sekolah agama rakyat, sekolah swasta yang berprestij malah Sekolah Bestari.

Pemilihan sekolah oleh ibu bapa mencerminkan harapan yang berbeza tentang pendidikan anak-anak mereka dan konsep keberkesanan sekolah yang dipegang oleh mereka (Sharifah Md.Nor, 2000). Blau dan Scot (1952) dalam Omardin Ashaari (1999) berpendapat sebagai sebuah organisasi pendidikan, sekolah merupakan sistem sosial yang amat peka dengan hasrat dan cita-cita masyarakat.

Sekolah sebagai sebuah organisasi bertunjang pada satu arah untuk mencapai matlamat yang dirancangkannya. Ini bermakna, sekolah sememangnya mempunyai tujuan, hasrat dan matlamat yang ingin dicapai. Selain itu, sumber tenaga manusia di dalam sesebuah sekolah perlu digembbleng secara efektif bersama sumber-sumber yang lain seperti wang, bangunan dan peralatan agar visi dan misi sesebuah organisasi itu tercapai.

Menurut Sizer (1985, p.22), “ a good school does not emerge like a pre-packaged frozen stuck for 15 minutes in a radar range: it develops from simmering carefully blended ingredients.” Manakala Wan Zahid (1993) pula menegaskan perlunya warga pendidik melaksanakan reformasi, menjayakan hasrat Falsafah Pendidikan Negara dan memastikan keberkesanan keberhasilan pendidikan sepadu.

Namun yang pasti semua ini hanya akan tercapai sekiranya organisasi itu mempunyai kepimpinan yang berkesan, pengurusan yang berkesan dan proses yang berkesan. Malah persekitaran sekolah juga mempengaruhi keberkesanan tersebut. Imej sekolah yang berkesan sentiasa menjadi matlamat masyarakat sekolah ketika ini. Beberapa sekolah menunjukkan imej keberkesanan mereka berdasarkan pencapaian akademik sekolah yang sentiasa meningkat manakala sekolah yang lain pula berusaha mewujudkan suasana pembelajaran yang ceria dan kondusif (Sharifah Md. Nor, 2002).

Hakikatnya bukanlah sesuatu yang adil untuk kita menggunakan satu kayu ukur yang sama bagi mengukur keberkesanan sesebuah sekolah memandangkan input, persekitaran dan budaya sesebuah sekolah berbeza dengan sekolah yang lain (Stoll &

Fink, 1996). Namun begitu tahap pengamalan ciri-ciri sekolah berkesan yang telah diklasifikasi oleh tokoh-tokoh sarjana dalam bidang ini seperti Peter Mortimore (1996), Purkey & Smith (1983), Rutter et al (1979), Edmonds (1979) dan Yin Cheong Cheng (1996) mungkin dapat dijadikan panduan untuk melihat sejauh mana sesebuah sekolah itu berusaha mencapai identiti sebagai sebuah sekolah berkesan.

1.2 Pernyataan Masalah

Pergerakan mengenai isu-isu sekolah berkesan telah dipelopori oleh para sarjana di Barat khususnya England dan Amerika Syarikat setelah berlakunya fenomena menganggap bahawa sekolah telah gagal memainkan peranannya sebagai institusi pendidikan dalam mengajar dan memasyarakatkan murid (Ahmad Sabu, 1998).

Menurut Ivan Illich (1971) dalam Ahmad Sabu (1998), fenomena ini telah mencetuskan pemikiran yang ekstrem supaya dihapuskan sistem persekolahan dalam masyarakat. Rentetan daripada pemikiran-pemikiran sebegini, wujud kelompok masyarakat yang tidak lagi menghantar anak-anak mereka ke sekolah sebaliknya memberi didikan sendiri di rumah. Menurut Dore (1976) dalam Ahmad Sabu (1998) terdapat pihak yang menganggap sekolah hanya sebagai institusi yang berfokus kepada pensijilan dan kelulusan iaitu '*Diploma Disease*'.

Sharifah Md Noor pula telah menulis bukunya *Keberkesanan Sekolah: Satu Perspektif Sosial* berdasarkan premis bahawa sekolah kita kurang berkesan. Bagaimanakah boleh timbulnya premis sedemikian? Umum sering memperkatakan mengenai sekolah berkesan atau terdapat pihak tertentu menggunakan istilah sekolah efektif (Mortimore, 1991, Purkey & Smith, 1983, Scheerens, 1992, Yin Cheong Cheng, 1996, Stoll & Fink, 1996 dan Townsend, 1997). Serentak dengan itu juga wujud persoalan-persoalan mengenai apa itu sekolah berkesan?

Persoalan-persoalan yang timbul telah mendorong pihak-pihak tertentu melaksanakan program-program akademik berkaitan isu sekolah berkesan misalnya seminar mengenai sekolah efektif oleh Kementerian Pendidikan pada 13-14 Julai 1995 di Institut Aminudin Baki serta Seminar Sekolah Efektif anjuran Jabatan Pendidikan Perlis pada 3-4 Mac 1998. Pada asasnya sekolah efektif atau sekolah berkesan dimaksudkan sebagai ‘.....a school with student progress further than might be expected from consideration under taking....’(Peter Mortimore, 1991, p. 33)

Secara umumnya masyarakat sering menilai sekolah yang kurang berkesan merupakan sekolah yang gagal menempatkan diri dengan kedudukan yang terbaik melalui peperiksaan-peperiksaan awam (Sharifah, 2002). Berkaitan hal ini Sharifah (2000), menegaskan sekolah-sekolah tidak berkesan didapati mempunyai amalan yang tidak pernah berubah dan pengetua yang tidak boleh membantu. Teddlie dan Stringfield (1993) mendapati, pengetua yang tidak berkesan mempunyai jangkaan akademik yang rendah berbanding dengan guru mereka manakala Reynolds (1985) berpendapat staf di sekolah tidak berkesan adalah tidak rasional, berpecah belah dan reaktif.

Menurut Sharifah Md. Noor (2000) lagi, banyak kekangan untuk menjadikan sesebuah sekolah itu berkesan tetapi sebahagian besarnya bergantung kepada guru. Namun begitu, ramai guru yang ingin menjadi guru cemerlang dan menjadikan sekolah mereka berkesan tetapi kekangan-kekangan yang dihadapi membantutkan hasrat tersebut. Kekangan-kekangan tersebut termasuklah paradigma yang membelenggu dari segi persepsi tentang nilai-nilai dan amalan pendidikan, isu-isu ketidaksamaan, penglibatan ibu-bapa dan sebagainya.

Mengikut Fullan (1982) agenda perubahan dalam pendidikan perlu menguji sama ada matlamat untuk melahirkan pelajar berkembang dengan seimbang dan menyeluruh dapat diimplementasikan atau tidak.

Benarkah keberkesanan sekolah hanya boleh diukur melalui pencapaian akademik murid-muridnya? Bagaimana pula dengan aspek-aspek lain yang sudah pasti turut memberi kesan terhadap keberkesanan sesebuah sekolah tersebut? Persoalan-persoalan tersebut telah mendorong kepada kajian ini yang akan melihat tahap keberkesanan sekolah berdasarkan Model Proses dan Model Organisasi Pembelajaran.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan secara amnya untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan sekolah. Secara khusus pula kajian ini cuba untuk :

- i. Mengenalpasti sejauh mana tahap keberkesanan sekolah berdasarkan elemen-elemen sekolah berkesan yang terpilih.
- ii. Menentukan perkaitan elemen-elemen tersebut dalam menyumbang kepada keberkesanan sekolah.

1.4 Persoalan Kajian

- i. Sejauh manakah tahap pengamalan elemen-elemen keberkesanan di sekolah-sekolah yang dikaji?
- ii. Sejauh manakah hubungan di antara setiap elemen yang mempengaruhi keberkesanan sekolah-sekolah yang terlibat?
- iii. Adakah terdapat perbezaan pengamalan elemen berdasarkan lokasi sekolah?
- iv. Adakah terdapat perbezaan pengamalan elemen berdasarkan jantina pengetua?

1.5

Hipotesis Kajian

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

- Ho1:** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi pengamalan elemen-elemen sekolah berkesan di antara sekolah menengah di bandar dengan sekolah menengah di luar bandar .
- Ho2:** Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi pengamalan elemen-elemen sekolah berkesan di antara pengetua lelaki dengan pengetua perempuan.

1.6 Kepentingan dan Faedah Penyelidikan

Kajian ini dapat memberi faedah kepada pelbagai pihak dalam aspek-aspek berikut:

- i. Kajian ini cuba memberi maklumat dan gambaran yang jelas kepada Kementerian Pelajaran Malaysia mengenai keberkesanan sekolah dan faktor-faktor yang menyumbang kepada keberkesanan sekolah.
- ii. Kajian ini juga memberi input kepada pengetua tentang aspek-aspek yang perlu dititikberatkan bagi mewujudkan sekolah yang berkesan.
- iii. Kajian ini memberikan pengetahuan dan maklumat kepada sekolah untuk mempertingkatkan keberkesanan di sekolah terutama dari aspek proses dan organisasi pembelajaran

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada sekolah-sekolah menengah di daerah Batang Padang. Malah kajian juga terhad kepada amalan ciri-ciri keberkesanan sekolah berasaskan dua model

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

sekolah berkesan oleh Yin Cheong Cheng (1996) iaitu Model Proses dan Model Organisasi Pembelajaran. Elemen-elemen ini terdiri daripada elemen-elemen seperti Perkongsian Visi dan Matlamat, Kepimpinan Organisasi dan Kepimpinan Pengajaran yang memberi fokus terhadap pengetua, komunikasi, suasana pembelajaran, pembangunan staf, jangkaan tinggi serta pemantauan dan penilaian daripada perhubungan dua hala iaitu pihak pengurusan dan guru atau guru dan murid.

1.8 Definisi Operasional

1.8.1 Sekolah Berkesan

Sekolah berkesan merujuk kepada sekolah yang berkesan dari segi Model Proses dan dari segi Model Organisasi Pembelajaran. Proses di sini termasuk dalam aspek kepimpinan pengetua, kerjasama di kalangan warga sekolah untuk mencapai visi dan misi, komunikasi, jangkaan tinggi dan suasana pembelajaran. Sekolah yang berkesan akan memperlihatkan proses dalamannya berjalan dengan lancar (Yin Cheong Cheng, 1996). Manakala dari aspek organisasi pembelajaran sekolah dilihat sebagai organisasi yang mampu menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran serta halangan dalaman (Yin Cheong Cheng, 1996). Model ini dilihat dari aspek pembangunan staf serta pemantauan dan penilaian.

1.8.2 Perkongsian Visi dan Matlamat

Elemen ini merujuk kepada kerjasama warga sekolah menggembung tenaga bagi mencapai matlamat sekolah. Tanpa muafakat sama ada di kalangan guru, murid dan kakitangan sokongan, matlamat sesebuah sekolah sukar tercapai. Item-item yang terlibat dalam ciri ini ialah kefahaman guru terhadap matlamat dan visi sekolah, keazaman guru

untuk mencapai matlamat tersebut, kesungguhan murid untuk berjaya serta semangat kekitaan yang diwujudkan bagi mencapai matlamat tersebut.

1.8.3 Elemen Kepimpinan Organisasi

Aspek kepimpinan organisasi merujuk kepada kepimpinan pengetua. Kepimpinan tidak dapat lari daripada menyentuh pengurusan yang dilakukan oleh pengetua, keperibadian pengetua yang menyerlahkan kepimpinannya serta sikapnya sama ada dapat memberi dorongan kepada para guru untuk memberi kerjasama yang sewajarnya. Hanya dengan pengurusan yang berkesan akan melahirkan sekolah yang berkesan.

1.8.4 Elemen Kepimpinan Pengajaran

Aspek ini merujuk kepada tugas hakiki pengetua iaitu sebagai pemimpin pengajaran. Selaku pemimpin pengajaran, peranan pengetua meliputi: menyelia, membuat cerapan dan memotivasi guru-guru dalam pengajaran, bertindak sebagai pakar rujuk, membimbing guru baik dalam aspek pengajaran, kurikulum mahupun aspek pengurusan kelas.

1.8.5 Elemen Komunikasi

Komunikasi merujuk kepada proses hubungan dua hala yang berlaku antara dua orang atau lebih. Komunikasi yang berkesan adalah apabila terdapat keadaan sefahaman antara satu sama lain mengenai maklumat-maklumat yang hendak disampaikan. Komunikasi dalam organisasi sekolah meliputi aktiviti-aktiviti menerang, menunjuk ajar, memperbaiki, menyetujui atau sebaliknya, mengarah, memberitahu dan lain-lain.

1.8.6 Elemen Pembangunan Staf



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Pembangunan staf merujuk kepada usaha berterusan yang dilakukan oleh pihak pengurusan sama ada di peringkat sekolah, daerah mahupun negeri untuk meningkatkan kemahiran guru melalui latihan, kursus ataupun program-program pembangunan. Pembangunan staf membantu guru-guru dan organisasi menjadi lebih efektif. Ini penting kerana manusia, pekerjaan dan organisasi sentiasa berubah.

1.8.7 Jangkaan Tinggi

Jangkaan tinggi merujuk kepada pengharapan pengetua terhadap guru dan guru terhadap muridnya. Pengharapan ini menolak sama sekali diskriminasi terhadap latar belakang murid dan tahap kecerdasan mereka. Malah pihak pengurusan juga dijangkakan memiliki pengharapan yang adil terhadap kebolehan guru dalam melaksanakan tugas mereka.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.8.8 Persekutaran Pembelajaran

Ciri ini merujuk kepada suasana persekitaran sekolah sama ada mendorong kepada suasana yang harmoni untuk tujuan pembelajaran atau pun tidak. Suasana pembelajaran bukan sahaja mengambilkira suasana fizikal yang selesa malah merangkumi aspek keharmonian komunikasi, disiplin yang terkawal dan kerjasama yang baik daripada murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian oleh Rutter et al (1979) mencadangkan bahawa sekolah yang berkesan akan memperlihatkan persekitaran yang bersih, selesa dan keadaan fizikal sekolah yang sentiasa terjaga. Ini menyediakan persekitaran yang berkesan untuk murid-murid di sekolah tersebut.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.8.9 Pemantauan dan Penilaian



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Pemantauan dan penilaian merupakan aspek yang melihat kepada peranan pihak pengurusan sama ada pengetua, penolong kanan mahupun ketua bidang dalam menyelia aktiviti yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran. Ciri ini juga melihat kepada penilaian terhadap pencapaian murid serta kehadiran mereka ke sekolah. Sekolah yang berkesan amat menitikberatkan aspek ini memandangkan penilaian merujuk kepada pencapaian matlamat pengajaran serta dijadikan kayu ukur untuk meningkatkan kebolehan guru dan murid.

1.8.10 Sekolah Menengah di Bandar

Sekolah menengah di bandar merujuk kepada sekolah-sekolah menengah di dalam lokasi bandar yang dikategorikan oleh Jabatan Pendidikan Daerah Batang Padang. Dalam kajian ini terdapat enam buah sekolah menengah di bandar yang terlibat.

1.8.11 Sekolah Menengah di Luar Bandar

Sekolah menengah di luar bandar merujuk kepada sekolah-sekolah menengah di dalam lokasi luar bandar yang dikategorikan oleh Jabatan Pendidikan Daerah Batang Padang. Dalam kajian ini terdapat sebelas buah sekolah menengah di luar bandar yang terlibat.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi